

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT
DICKSON]**

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan anggaran bilangan pekerja tempatan yang hilang pekerjaan di negara ini akibat penularan COVID-19 dan menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam mengatasi masalah mereka.

JAWAPAN

1. Secara umumnya terdapat rangkaian ekonomi yang terjejas mulai Mac 2020 di Malaysia dengan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia dan telah memberi implikasi kepada guna tenaga negara. Situasi ini turut menjejaskan ekonomi negara dan menyumbang kepada pengurangan tenaga kerja di pelbagai sektor ekonomi. Pemberhentian pekerja disebabkan penutupan sepenuhnya atau sebahagian syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilalihan syarikat, kegawatan ekonomi telah tidak dapat dielakkan untuk syarikat menstabilkan kos perniagaan.
2. Kementerian tiada anggaran yang terperinci mengenai jumlah pekerja-pekerja warganegara, mengikut sektor industri yang akan hilang

pekerjaan dari tempoh Jun sehingga Disember 2020. Namun begitu, Pertumbuhan ekonomi negara juga dijangka akan mengambil masa yang lama lagi dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Mei 2020, dijangkakan sektor-sektor ekonomi yang terjejas akan mengambil tindakan pemberhentian pekerja terutamanya di kategori perusahaan kecil dan sederhana yang masih menghadapi kesukaran mengekalkan pekerja.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, statistik pemberhentian hanyalah berdasarkan laporan majikan melalui Borang Pemberhentian Pekerja (Borang PK) yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Mengikut rekod JTKSM, pada tahun 2020 sehingga 31 Julai, jumlah keseluruhan yang terlibat dengan pemberhentian iaitu sebanyak 1,950 majikan melibatkan 49,179 orang pekerja. Pemberhentian Tetap (*Permanent Retrenchment*) melibatkan seramai 37,838 orang pekerja manakala seramai 11,341 orang bagi pemberhentian secara Pemberhentian Sukarela (*Voluntary Separation Scheme*).

4. Jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan pada bulan Mei 2020 adalah seramai 6,390 orang, pada bulan Jun 2020, seramai 17,576 orang, dan pada bulan Julai 2020 seramai 11,784 orang.

5. KSM telah merangka pelbagai program untuk membantu para pencari kerja warganegara yang terjejas akibat pemberhentian pekerjaan. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran temu duga terbuka mengikut standard prosedur norma baharu yang telah ditetapkan. Ia bertujuan sebagai platform bagi para pencari kerja dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan keperluan industri.

6. Pemandaran pekerjaan melalui Portal JobsMalaysia secara dalam talian akan menikmati kemudahan secara interaktif dan memaparkan pilihan jawatan yang ditawarkan oleh majikan. Penganjuran Karnival Kerjaya di Pusat JobsMalaysia seluruh negara menawarkan kekosongan

jawatan daripada pelbagai latar belakang majikan. Kerjasama majikan-majikan yang menawarkan kekosongan pekerjaan dan Agensi-agensi Pekerjaan Swasta (APS) melalui program temu duga terbuka ini dilaksanakan pada setiap minggu di Pusat JobsMalaysia seluruh negara.

7. Kerajaan juga telah pun melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang bermula pada 1 Januari 2018. SIP merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan (*Employment Insurance - EI*) dan Dasar Pasaran Buruh Aktif (*Active Labour Market Policy — ALMP*). EI membantu pekerja kehilangan pekerjaan dengan menyediakan bantuan kewangan sementara (*temporary income replacement*) semasa mencari pekerjaan baharu. Manakala ALMP pula menyediakan bantuan carian pekerjaan (*job search*), penempatan pekerjaan (*job placement*) dan latihan. Bantuan *reskilling* dan *upskilling* membantu pekerja kehilangan pekerjaan memiliki set kemahiran (*skills set*) yang diperlukan oleh industri seterusnya meningkatkan *employability*.

Sekian, terima kasih.